

UMS Tuan Rumah Kejohanan Taekwondo Antara Universiti Asia Kali Ke-3

Sumber: BPK

Lebih 100 atlet dan pegawai sukan dari 9 buah negara berkumpul di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menyertai Kejohanan Taekwondo Antara Universiti Asia Kali ke-3. Kejohanan yang buat julung kalinya diadakan di Malaysia menjadikan UMS sebagai tuan rumah yang diberi mandat oleh Kementerian Pengajian Tinggi atas kapasiti Pusat Sukan Tumpuan bagi acara tersebut. Kejohanan berlangsung selama hari pada 1 Oktober 2012.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Haji Omar Abdul Rahman berkata, pemilihan UMS sebagai tuan rumah adalah sesuatu yang membanggakan, dan memperlihatkan bahawa rakan-rakan negara Asia percaya dengan keupayaan Malaysia menganjurkan kejohanan bertaraf antarabangsa dan memiliki barisan atlet berkeupayaan tinggi.

"Kejohanan seperti ini dilihat sebagai platform yang sangat baik dalam mengantarabangsakan keupayaan atlet negara kita ke peringkat tinggi. Syabas diucapkan kepada UMS atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan kejohanan ini," katanya. Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kejohanan Taekwondo Antara Universiti Asia Kali Ke-3,

mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur ketika membacakan teks ucapan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun berkata, dengan penganjuran sukan sebegini akan menyokong usaha UMS dan kementerian dalam mempromosi dan menggalakkan kecemerlangan sukan dalam kalangan pelajar disamping memupuk daya saing yang sihat.

"Kita mahu menghasilkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga dalam sukan dan aktiviti kokurikulum," katanya.

Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari, iaitu bermula 11 hingga 13 Oktober, bakal menyaksikan para atlet dari China, Kazakhstan, Mongolia, Nepal, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, dan Malaysia berentap dalam merebut kejuaraan bagi tiga acara kategori Poomsae (pattern) dan 11 acara kategori Kyorugi (Sparing).

